

12 MAY 2000

Umno-Pelajar

UMNO MAHU HANTAR PEMIMPIN BERTEMU PELAJAR IPT

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Umno akan menghantar pemimpinnya bertemu pelajar institusi pengajian tinggi dalam dan luar negeri bagi memberi pendedahan awal mengenai politik kepada mereka, kata seorang wakil kelab Umno luar negeri.

Ahmad Nazim Ali, pelajar tahun tiga Tristate University Chicago, berkata perkara itu dinyatakan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pertemuan dengan wakil daripada 18 Kelab Umno luar negeri hari ini.

Pada masa ini pelajar Melayu mendapat pendedahan awal politik daripada parti-parti pembangkang, katanya.

"Perdana Menteri berkata dulu Umno menekankan mengenai pelajaran kepada para pelajar tetapi sekarang, dasar itu telah bertukar dan mereka akan didedahkan dengan politik," katanya kepada pemberita selepas pertemuan hampir satu setengah jam dengan Dr Mahathir.

Perwakilan pelajar dari Kelab Umno Melbourne, United Kingdom & Eire, Jepun, Aceh, Auckland, Ireland dan Jakarta berada di sini untuk menghadiri Perhimpunan Agung Umno ke-54 yang memasuki hari kedua hari ini.

Ahmad Nazim berkata pendekatan baru Umno dan kerajaan ialah untuk mendedahkan mereka mengenai politik semasa mereka berada di pusat pengajian tinggi lagi.

Katanya Dr Mahathir menyatakan Umno bercadang mengadakan latihan kepimpinan kepada pemimpin-pemimpin kelab Umno luar negeri mengenai cara-cara berinteraksi dengan pelajar lain bagi menghadapi masalah seperti itu.

Beliau berkata Umno mahu menggunakan pendekatan baru ini kerana pilihan raya umum lepas jelas menunjukkan pembangkang lebih awal mendedahkan kepada para pelajar tentang politik.

Pada pertemuan itu juga, Dr Mahathir menjelaskan kepada para pelajar tentang kesan daripada krisis kewangan yang melanda negara sejak 1997 dan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasinya.

-- BERNAMA

AR LAT